

28 OCT 1997

Mahathir-Drnovsek

SLOVENIA SOKONG LANGKAH TERHADAP MANIPULATOR MATA WANG

Oleh: Zainoor Sulaiman

LJUBLJANA, 28 Okt (Bernama) -- Slovenia menyokong saranan oleh Malaysia untuk mengadakan satu mekanisme antarabangsa untuk melindungi negara-negara kecil daripada digugat oleh kegiatan manipulatif peniaga mata wang, kata Perdana Menteri Dr Janez Drnovsek hari ini.

"Kami ingin melindungi diri sendiri ...," kata beliau sambil menambah kata langkah-langkah harus diambil untuk melindungi sesebuah negara daripada serangan oleh manipulator matawang.

Bercakap pada sidang berita bersama dengan Perdana Menteri Malaysia yang melawat negara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, selepas rundingan mereka, Dr Drnovsek berkata beliau telah bertukar-tukar pandangan dengan Dr Mahathir berkaitan perkembangan baru dalam pasaran matawang di Asia Tenggara dan Asia Timur.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu lebih ketelusan dalam dagangan matawang antarabangsa seperti peraturan perniagaan bursa saham dan pasaran komoditi.

Beliau berkata Malaysia telah mencadangkan pada Persidangan Bank Dunia di Hong Kong bahawa langkah-langkah antarabangsa harus diambil untuk mengawal selia perdagangan mata wang bagi melindungi sesebuah negara terutamanya negara-negara membangun daripada digugat berikutan daripada manipulasi peniaga mata wang.

Berkaitan hubungan dua hala, kedua-dua pemimpin berkata mereka mengharapkan kerjasama ekonomi dua hala yang lebih rapat antara kedua-dua negara itu dan menyifatkan penandatanganan perjanjian perkhidmatan udara sebagai langkah pertama kepada mempertingkatkan dagangan antara kedua-dua negara itu.

Dr Mahathir lewat hari ini melawat Koper Port, 100 Km timur dari sini berkata, Malaysia ingin menjadikan Slovenia sebagai pintu masuk bagi barangan eksportnya ke negara-negara bekas Yugoslav dan Eropah.

Malaysia berminat untuk meningkatkan eksport barangan pembuatannya ke Slovenia dan mengharapkan untuk mengimport lebih banyak produk dari negara itu, katanya.

Pada masa ini, jumlah dagangan dua hala masih kecil. Daripada jumlah AS\$11.6 juta yang dicatatkan tahun lepas, Malaysia mengeksport barangan bernilai AS\$8.7 juta, yang mana kebanyakannya ialah getah mentah.

Dr Mahathir berkata Malaysia ingin mengeksport barangan elektronik dan automatifnya ke Slovenia dan ingin mendapatkan sumber yang diperlukan seperti keluli dari negara itu.

Dr Drnovsek berkata negaranya ingin melihat lebih banyak langkah konkrit dilaksanakan untuk mengembangkan dagangan antara kedua-dua negara itu.--BERNAMA

ZS RI